

21 JUN 2003

Mahathir-Gulung (Pantun)

DR MAHATHIR AKHIRI UCAPAN DENGAN PANTUN

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tidak mahu ketinggalan dalam berpantun seperti pemimpin Umno yang lain, turut menyampaikan ungkapan pantun semasa ucapan penggulungan di Perhimpunan Agung Umno ke-54 di sini hari ini.

Sebanyak 11 rangkap pantun disampaikan oleh Presiden Umno pada penghujung ucapan selama sejam di hadapan para pemimpin kanan Umno dan lebih 2,000 perwakilan serta beribu-ribu pemerhati dan orang ramai yang khusyuk mengikuti ucapan itu menerusi siaran televisyen litar tertutup di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Ucapan itu turut disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Sebelum membaca pantunnya, Dr Mahathir meminta izin daripada Timbalan Pengerusi Tetap Datuk Seri Onn Ismail untuk mengikut beberapa pemimpin dan pembahas yang sering berpantun pada persidangan itu.

"Saya hendak ikutlah tradisi nak berpantun sebelum saya tamat," katanya bersahaja.

Sebelum Dr Mahathir, beberapa pemimpin Umno seperti Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz telah berpantun.

Sepanjang menyampaikan ucapannya yang sesekali diselangi kata-kata lucu, Dr Mahathir kelihatan tenang dan bersahaja tanpa memperlihatkan emosi sedih.

Penampilan Perdana Menteri amat berbeza berbanding semasa ucapan dasarnya Khamis lepas apabila Dr Mahathir dalam keadaan sebak dan sayu membacakan doa khas untuk orang Melayu supaya menjadi bangsa yang mulia dan berjaya.

Keadaan itu adalah di luar jangkaan orang ramai apabila mereka meramalkan perasaan sedih dan pilu bakal menyelubungi suasana semasa Dr Mahathir menyampaikan ucapan terakhirnya selaku Presiden Umno sebelum meletak jawatan Oktober ini.

Bagaimanapun riak riang yang ditunjukkan oleh Dr Mahathir gagal menghalang segelintir orang ramai yang tidak dapat mengawal emosi apabila mereka kelihatan berkali-kali mengesat air mata sepanjang mengikuti ucapan negarawan ulung itu.

Pantun Dr Mahathir, yang menyentuh pelbagai tema dalam ucapan dasarnya itu serta nasihat sebagai amanat terakhir kepada orang Melayu, berbunyi:

Pantun Seloka penyeri majlis  
Pembuka penutup tak kira masa  
Tahniah pembahas sungguh kritis  
Usul dibahas berbalas pantun jadinya.

"Regime Change" tema baru  
Hasutan beracun musuh bangsa  
Jangan termakan pujuk dan rayu  
Kelak tergadai tanah tercinta.

Bersatu teguh bercerai roboh  
Kata azimat pusaka berzaman  
Alaf Baru penuh penceroboh

Rapatkan bangsa nusa dipertahan.

Berabad derita hidup terjajah  
Nikmat merdeka baru terasa  
Lagak bersantun bangsa Eropah  
Sandiwara menjerat bangsa merdeka

Setiap permulaan ada gantinya  
Menjadi peringatan kepada hamba  
Kuasa dan jawatan bukan segalanya  
Berkhidmat kerana bangsa dan negara.

Kepimpinan berganti amalan tradisi  
Tradisi Umno gemilang budaya  
Pemimpin datang bersilih ganti  
Mewarisi perjuangan bangsa kita

22 tahun mencurahkan bakti  
Untuk agama, bangsa dan pertiwi  
Kini masa untuk pergi  
Ketika Umno gagah berdiri

Semua berdoa menitis air mata  
Mengenang nasib anak bangsa  
Wahai Melayu jangan bersengketa  
Mengelakkan dari porak peranda.

Pemuda di kanan puteri di kiri  
Wanita pula teguh berseri  
Usah pentingkan diri sendiri  
Dulukan bangsa utamakan parti.

Para perwakilan dan semua ahli  
Bersetia semua bersatu hati  
Saya pergi Pak Lah ganti  
Umno teguh sudah pasti

Izinkan saya beredar pergi  
Memberi ruang kepada pemuda  
Melupai Umno tidak sekali  
Terus berjuang walau bersara.

-- BERNAMA

RAR HS KHY RON